

# Kesedaran hak harta intelek di Sabah rendah: NC UMS

06 13-04-2012 1  
**Sherril Ann Jeffrey**

**KOTA KINABALU:** Kesedaran tentang kepentingan mempunyai hak harta intelek masih amat rendah di Sabah, kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon.

“Ramai yang memandang ringan akan perkara ini kerana mereka tidak melihatnya sebagai satu masalah yang boleh menjejaskan mereka atau mana-mana pertubuhan, malah tahap kesedaran begitu rendah sekali sehinggakan mungkin ada sesetengah orang menggunakan hasil kerja orang lain tanpa menyedari bahawa perkara itu satu kesalahan.”

Beliau berkata demikian semasa Seminar Harta Intelek Peringkat Negeri Sabah di UMS yang dihadiri oleh para ahli akademik dan pelajar institusi pengajian tinggi di sini, Khamis.

Seminar itu dianjurkan UMS dengan kerjasama Intellectual Property Corporatin of Malaysia (MyIPO), Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun-

Haji Mohd Fuad Stephen, yayasan Sabah dan Jabatan Perpustakaan UMS.

Beliau juga menegaskan, terdapat orang-orang yang mencuri hasil kerja orang lain dengan tujuan mengaut keuntungan tanpa menghormati pemilikinya.

“Isu ini sukar untuk diatasi lebih-lebih lagi dengan sikap masyarakat kita yang lebih suka membeli dan menggunakan produk tiruan kerana harganya jauh lebih murah berbanding produk asli.

“Dua isu utama yang sinonim dengan masyarakat kita ialah menjual dan menduplikasikan produk, ia berleluasa dan kelihatan tidak ada penghujungnya, walaupun pelbagai langkah diambil oleh pihak penguatkuasa untuk menghentikannya,” kata beliau.

Dalam soal itu, beliau berharap seminar tersebut boleh bertindak sebagai platform untuk mewujudkan kesedaran tentang pentingnya harta intelek dalam kalangan peserta dan masyarakat keseluruhannya.



**KAMARUZAMAN** memalu gong ketika melancarkan acara itu sambil diperhatikan Rukiah (kanan), Faizuddin (kiri) dan Johan (kedua dari kiri).

Selain itu, beliau berkata, universiti itu bukan cuma pusat untuk melahirkan individu-individu berjaya tetapi juga untuk mengeluarkan harta intelek yang berkualiti tinggi.

Hak harta intelek adalah penting kerana di bawah undang-undang ini, pemilik diberi hak eksklusif kepada pelbagai aset tidak ketara, seperti muzik, puisi, penemuan, ciptaan dan perkataan, antara lain.

“Ini adalah aset-aset penting kerana ia boleh dikomersialkan dan menjana pendapatan kepada pemilikinya, jadi adalah

penting supaya hasil kerja atau karya anda didaftar bagi harta intelek bagi mengelak orang lain daripada mengambil kesempatan daripadanya.”

Beliau menjelaskan, hak harta intelek yang biasa didengari termasuk hak cipta, cap dagang, paten dan reka bentuk industri.

“Tahun lalu, UMS mendaftar 15 paten tetapi UMS hanya terhad kepada 15 paten, malah hak cipta bagi buku juga sedang dikemaskini,” katanya, sambil menambah, pengumpulan data menjadi proses yang berterusan.